



# MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM - J7

Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
50634 KUALA LUMPUR  
Tel: 03-2071 6423 Faks: 03-2071 6426

MATM/BHEA-J7.100-2/1/1(3)-01/01

## SIARAN AKHBAR

### PERBARISAN PENGHARGAAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA KE-20

KUALA LUMPUR, 2 Januari 2020 – Seramai 17 pegawai dan 462 Anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari ketiga-tiga cabang perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat di dalam Perbarisan Penghargaan Panglima Angkatan Tentera Malaysia Ke-20, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin. Perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Memerintah Batalion Ke-4 Rejimen Askar Melayu Diraja, Lt Kol Khairul Azman bin Kormin tersebut telah diadakan di Dataran Panglima Tentera Darat, Kem Perdana, Sg. Besi.

Perbarisan Penghargaan ini merupakan satu tanda penghormatan tertinggi kepada beliau atas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan selama 4 dekad sebelum menamatkan perkhidmatan di dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Perbarisan ini berkonsepkan perbarisan berjalan lalu dalam masa perlahan dan cepat dengan penglibatan 4 detasmen daripada ketumbukan ATM terdiri daripada dua detasmen Tentera Darat Malaysia (TDM) serta masing-masing satu daripada detasmen Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan detasmen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Perbarisan ini diiringi Pancaragam Pusat ATM di bawah pimpinan Mej (Dom) Muhamad Nor Azizan bin Yahya.

Menyingkap keperibadian beliau, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin telah dilahirkan di Port Weld, Taiping Perak pada tanggal 30 November 1958. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Lenggong, Perak dan seterusnya melanjutkan pelajaran ke Maktab Tentera Diraja. Beliau telah ditauliahkan sebagai Leftenan Muda pada 21 Disember 1978 ke dalam Kor Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD). Beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Panglima Angkatan Malaysia Ke-20 bermula 20 Jun 2018.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan dari Asian Institute of Management (AIM), Manila, Filipina. Selain itu, beliau juga memperolehi Diploma Lanjutan dalam Perniagaan dan Pengurusan (Kepujian) dari *Swansea Institute of Higher 2 Education, University of Wales* di samping memiliki diploma Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT), Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT) dan Diploma dari *Royal College of Defence Studies (Imperial Defence College)*, London.

Beliau juga telah menghadiri pelbagai kursus-kursus akademik dan ketenteraan di luar negara seperti di New Zealand, Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli telah menjawat pelbagai jawatan di peringkat staf, pemerintahan dan latihan di pelbagai peringkat Tentera Darat dan Angkatan Tentera, termasuk sebagai Pegawai Staf Kanan kepada Panglima Angkatan Tentera pada tahun 2001. Atas dasar pengalaman dan kelayakan akademik yang cemerlang, beliau juga pernah dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) sebanyak dua kali iaitu kali pertama mulai September 2008 hingga 19 Mei 2010, dan kali kedua mulai 15 Jun 2013 hingga 30 April 2018.

Beliau juga merupakan *Honorary Fellow di Department of WMG, University of Warwick, United Kingdom* sejak tahun 2015. Atas kredibiliti beliau dalam bidang akademik, Jeneral Tan Sri Haji Zulkifli sering dijemput ke persidangan wacana ilmiah di dalam dan luar negara. Bertitik tolak dari itu, kepakaran beliau juga telah mendapat pengiktirafan daripada UPNM apabila dilantik sebagai Profesor Ikhtisas mulai tahun 2017. Pencapaian beliau dalam bidang akademik juga amat membanggakan sehingga dianugerahkan *9th Hall of Fame* oleh MTAT, anugerah *10th Hall of Fame* oleh MPAT dan anugerah *Triple A Award* oleh AIM Manila.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli telah menghadiri pengajian di *Naval Post Graduate School Monterey USA, Defence Management di Canberra Australia* dan *Senior Development Program di John F. Kennedy School of Government, Harvard University, Massachusetts, Amerika Syarikat* pada tahun 2010. Beliau juga merupakan *Adjunct Professor* di Pusat Inovasi Perniagaan dan Usahawan Teknologi (Centre of Business Innovation and Technopreneurship), Universiti Malaysia Perlis dari tahun 2010 hingga 2015.

Dalam bidang profesional, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli merupakan *Chartered Fellow, The 3 Chartered Institute of Logistics and Transport (CILT)*. Selain itu, beliau juga merupakan Ahli Pertubuhan Akademi Profesor Malaysia. Terkini, beliau juga telah dianugerahkan gelaran *Professional Technologist* atau Ts. dari *Malaysia Board of Technologists (MBOT)*.

Beliau juga mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kejurulatihan khasnya apabila telah dipinjamkan sebagai Jurulatih Kanan di *New Zealand Army Infantry School* daripada tahun 1986 sehingga 1988. Beliau bertanggungjawab dalam pengajaran pegawai dan anggota *New Zealand Army* dan negara-negara Komanwel yang lain dalam pengajian senjata, taktik dan *Counter Insurgency Warfare*.

Pengalaman ketenteraan Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli amat luas di mana telah terlibat secara aktif dalam operasi *Counter Insurgency Warfare* semasa operasi melawan anasir komunis selama 10 tahun bermula dari tahun 1979 dan berakhir pada tahun 1989.

Sepanjang perkhidmatan, Jeneral Tan Sri Haji Zulkifli telah menunjukkan prestasi yang sangat cemerlang dalam kerjaya, begitu juga kursus-kursus yang dihadiri. Beliau seringkali merangkul gelaran penuntut terbaik keseluruhan. Kecemerlangan dan kepimpinan beliau adalah kunci utama beliau terpilih menyandang pelbagai jawatan penting dalam ATM termasuk memegang tampuk pemerintahan Tentera Darat Malaysia sebagai Panglima Tentera Darat pada tahun 2011.

Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Ts. Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin melayari kehidupan berumah tangga dengan Puan Sri Datin Seri Hajah Rusnah binti Haji A. Rahman dan telah dikurniakan empat orang cahaya mata.

Turut hadir ke perbarisan ini ialah Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Ahmad Hasbullah bin Haji Mohd Nawawi, Panglima Tentera Darat; Laksamana Tan Sri Mohd Reza bin Mohd Sany, Panglima Tentera Laut; Jeneral Tan Sri Dato' Sri Haji Affendi bin Buang TUDM, Panglima Tentera Udara dan Leftenan Jeneral Datuk Kamaluzaman bin Mohd Othman TUDM, Ketua Staf Markas ATM.

-TAMAT-

**“KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Bahagian Hal Ehwat Awam - J7  
Markas Angkatan Tentera Malaysia  
KUALA LUMPUR  
Tel: 03-20716423/24/25  
2 Januari 2020, 8:30 pagi.**